

**Jadikan
perbezaan
pendapat
parti
unsur
dinamis
— Dr. M.**

JOHOR BAHARU 15
Nov. — Presiden UMNO,
Datuk Sri Dr. Mahathir
Mohamad mahukan per-
bezaan pandangan atau
pendapat dalam partinya
dijadikan unsur yang dina-
mis dan bukannya sebagai
krisis kepimpinan.

Beliau berkata, per-
paduan dan persefahaman
merupakan asas kejayaan
dalam menghadapi cabaran
dan ia hendaklah dijadikan
pegangan bagi menghadapi
cabaran di masa hadapan.

Cabaran

Perdana Menteri itu ber-
kata, demikian dalam per-
utusannya sempena pener-
bitan sulung akhbar 'Bersa-
tu' terbitan Badan Perhu-
bungan UMNO Negeri Jo-
hor yang dirasmikan pelan-
carannya oleh pengerusi
badan tersebut, Haji Mu-
hyiddin Yassin di sini hari
ini.

Kata beliau, UMNO telah
berjaya menghadapi cabar-
an demi cabaran berkat
dari perpaduan dan perse-
fahaman sekian lama dan
mestilah bersyukur dengan
kejayaannya itu.

"Dengan itu sebarang
perbezaan pendapat dan
pandangan hendaklah di-
jadikan unsur yang dinamis
dalam parti," ujarnya.